



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BIL 1 TAHUN 2013

Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,
Semua Pejabat Daerah / Tanah,
Selangor Darul Ehsan.

PEMAKAIAN SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL 2 TAHUN
2011 – PERATURAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING BAGI
PROJEK ATAU KAJIAN KERAJAAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan mengenai pemakaian Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 2011 iaitu Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding bagi Projek atau Kajian Kerajaan yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan pindaan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) yang berkaitan dengannya.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Para 21 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 2011 mengenai Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding bagi Projek atau Kajian Kerajaan telah menetapkan bahawa sebarang **perubahan kepada skop kerja/terma rujukan perunding** yang tidak melibatkan tambahan kos perunding hendaklah mendapat **kelulusan Pihak Berkuasa Melulus yang asal**. Bagi perubahan yang melibatkan tambahan kos, **Lembaga Perolehan 'A'** diberi kuasa untuk meluluskan tambahan kos perunding sehingga **60%** daripada kos asal perunding yang diluluskan. Kelulusan tambahan kos melebihi 60% daripada kos asal perunding hendaklah diperolehi daripada Perbendaharaan.
- 2.2 Para 22 pula menetapkan **Lembaga Perolehan 'A' Agensi** diberi kuasa **meluluskan tambahan kos perkhidmatan perunding tanpa had nilai jika tambahan tersebut disebabkan "Variation Order" atau "Extension of Time"** di dalam kontrak kerja dengan pihak kontraktor selaras dengan AP 187(c).
- 2.3 Ringkasan bagi Pihak Berkuasa Melulus di para 2.1 dan 2.2 di atas adalah seperti berikut:-

Bil	Nilai Perubahan	Pihak Berkuasa Melulus (menurut SPP)
a.	Sebarang perubahan kepada skop kerja / terma rujukan perunding yang tidak melibatkan tambahan kos perkhidmatan perunding	Pihak Berkuasa Melulus asal (Jawatankuasa Sebutharga atau Lembaga Perolehan)

Bil	Nilai Perubahan	Pihak Berkuasa Melulus (menurut SPP)
b.	Sebarang perubahan yang melibatkan pertambahan kos sehingga 60% daripada kos asal perunding yang diluluskan	Lembaga Perolehan 'A'
c.	Sebarang perubahan yang melibatkan pertambahan kos melebihi 60% daripada kos asal perunding	Perbendaharaan
d.	Sebarang perubahan yang melibatkan pertambahan kos perunding tanpa had nilai disebabkan oleh " <i>Variation order</i> " atau " <i>Extension of Time</i> " di dalam kontrak kerja dengan pihak kontraktor	Lembaga Perolehan 'A'

2.4 Selaras dengan hasrat "*Let Manager's Manage*" dan bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan, had nilai dan kuasa melulus bagi pertambahan kos perkhidmatan perunding telah dikaji semula bersesuaian dengan pemakaiannya di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

3.0 PENURUNAN KUASA

3.1 Had nilai dan kuasa melulus bagi perubahan skop perkhidmatan perunding telah dipinda seperti berikut:-

Bil	Nilai Perubahan	Pihak Berkuasa Melulus (Baru)
a.	Sebarang perubahan kepada Skop kerja / terma rujukan perunding yang tidak melibatkan tambahan kos perkhidmatan perunding	Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa yang dinamakan di dalam kontrak
b.	Sebarang perubahan yang melibatkan pertambahan kos perunding sehingga 10% daripada kos asal perunding yang diluluskan samada disebabkan oleh perubahan skop kerja /terma rujukan, " <i>Variation order</i> " atau " <i>Extension of Time</i> " di dalam kontrak kerja dengan pihak kontraktor	Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa yang dinamakan di dalam kontrak

Bil	Nilai Perubahan	Pihak Berkuasa Melulus (Baru)
c.	Sebarang perubahan yang melibatkan pertambahan kos perunding melebihi 10% sehingga 60% daripada kos asal perunding samada disebabkan oleh perubahan skop kerja /terma rujukan, " <i>Variation order</i> " atau " <i>Extension of Time</i> " di dalam kontrak kerja dengan pihak kontraktor	Pihak Berkuasa Melulus asal (Jawatankuasa Sebutharga atau Lembaga Perolehan)
d.	Sebarang perubahan yang melibatkan pertambahan kos perunding melebihi 60% daripada kos asal perunding samada disebabkan oleh perubahan skop kerja /terma rujukan, " <i>Variation order</i> " atau " <i>Extension of Time</i> " di dalam kontrak kerja dengan pihak kontraktor	Perbendaharaan Negeri Selangor

3.2 Manakala lain-lain peraturan yang telah ditetapkan di Surat Pekeliling yang berkaitan adalah terpakai dan dikuatkuasakan.

4.0 PENGECUALIAN

- 4.1 Pengecualian daripada mana-mana peraturan perolehan hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri mengikut Arahan Perbendaharaan 168.

5.0 TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN)

D.P.M.S., S.I.S.

Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : 20 Februari 2013

Salinan kepada :

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor